



POLISI KESELAMATAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR (OSHE)

MSD Digital Intelligence (MSDDI) komited terhadap aspek – aspek Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar (OSHE) dengan mewujudkan persekitaraan kerja yang selamat, sihat dan memelihara alam sekitar untuk warga kerja.

Untuk mencapai hasrat ini, pihak pengurusan dan warga kerja dengan penuh iltizam atas usaha-usaha yang berikut;

- Mematuhi undang-undang dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturannya yang berkaitan dengan operasi syarikat;
- Menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk warga kerja;
- Mewujudkan sistem pengurusan Kesihatan Keselamatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar (OSHE) bagi memastikan program yang dijalankan berterusan dan menambahbaik pengurusan dan prestasi dari masa ke semasa;
- Menyediakan maklumat, program dan latihan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan, kesihatan dan alam sekitar dan kompetensi warga kerja;
- Menguruskan dan mengurangkan risiko OSHE yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat setakat yang dipraktikkan;
- Memastikan semua warga kerja dan kontraktor mematuhi polis keselamatan kesihatan pekerjaan dan Alam Sekitar.

Polisi ini akan disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa untuk memastikan aspek keselamatan kesihatan pekerjaan dan alam sekitar dapat dilaksanakan secara efektif.



En. Adrian Abdul Ghani
Ketua Pegawai Eksekutif
MSD Digital Intelligence Sdn Bhd

12 Januari 2023